CUKAI KEUNTUNGAN MODAL (CKM)

DISEDIAKAN OLEH:
JABATAN OPERASI CUKAI

KEMASKINI PADA 19/04/2024

MEDIA SOSIAL RASMI HASiL

PORTAL RASMI :
www.hasil.gov.my

KEMASKINI PADA 19/04/2024

MANFAAT CUKAI UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA

PENDIDIKAN

KESIHATAN

KEBAJIKAN

INFRASTRUKTUR
& KEMUDAHAN AWAM

PERTANIAN &
INDUSTRI

PEMBANGUNAN

PERTAHANAN &
KESELAMATAN NEGARA

SUBSIDI

BR1M
BSHR
Bantuan Sara Hidup Rakyat
BPN
BKM
STR 2023

BANTUAN KHAS KERAJAAN

KEMASKINI PADA 19/04/2024

KANDUNGAN TAKLIMAT

1. Pengenalan kepada CKM
2. Tempoh pengecualian CKM
3. Pengenaan CKM
4. Aset dikenakan cukai di bawah CKM
5. Kadar Cukai CKM
6. Kaedah pelaporan CKM
7. Maklumat-maklumat CKM di portal Hasil
8. Pengiraaan CKM
9. Borang CKM
10. Pengauditan dan bayaran CKM

KEMASKINI PADA 19/04/2024

PENGENALAN CUKAI KEUNTUNGAN MODAL

Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967 [Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2023]

- Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang sebelum ini hanya mengendalikan cukai ke atas pendapatan sahaja.
- Dengan pindaan ini, mulai 1 Jan 2024 ACP juga mengendalikan hal-hal percukaian pendapatan dan keuntungan daripada pelupusan aset modal.

TEMPOH PENGECUALIAN CKM

P.U. (A) 410 29 DISEMBER 2023- STT

P.U.(A) 57 23 Februari 2024- Saham 15C

- Tempoh pengecualian, 1 Januari 2024 hingga 29 Februari 2024
- Pelupusan aset modal dalam tempoh itu adalah **TIDAK** tertakluk kepada pengemukaan BNCKM.
- BNCKM hendaklah dikemukakan bagi pelupusan aset modal mulai **1 Mac 2024.**

KEMASKINI PADA 19/04/2024

PENGENAAN CKM

PELUPUS:

- Syarikat, perkongsian liabiliti terhad (PLT), badan amanah dan koperasi.
- Entiti Labuan (Syarikat Labuan, Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan, Yayasan dan Amanah Labuan) yang memilih atau tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah ACP 1967.

SKOP PENGENAAN CKM (PARA 38 JAD 6 ACP 1967

Takrif Aset Modal- Sek. 2 ACP

Harta alih atau harta tidak alih termasuk sebarang hak dan kepentingan ke atasnya.

Saham Tidak Tersenarai (STT)

Pelupusan saham syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan tidak tersenarai di Bursa Saham

Saham di bawah Sek. 15C

Pelupusan saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya, yang mana dianggap sebagai terbit dari Malaysia (apabila nilai tertentu mencapai 75% daripada jumlah aset ketara)

KADAR CUKAI CKM

Saham diperoleh sebelum 01/01/2024

- 2% atas balasan pelupusan; atau
- 10% atas pendapatan larasan

Saham diperoleh mulai 01/01/2024

- 10% atas pendapatan larasan

KEMASKINI PADA 19/04/2024

PELAPORAN CKM

Pengemukaan Borang Nyata CKM (BNCKM)- Sek. 77A(1B)

- ❑ Dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan.
- ❑ Setiap pelupusan aset modal hendaklah dilaporkan secara berasingan dan dianggap sebagai punca keuntungan pelupusan aset modal yang berasingan antara satu sama lain.
- ❑ Dilaporkan secara berasingan oleh setiap pelupus jika terdapat lebih dari satu pelupus dalam satu pelupusan

Kaedah pelaporan

- ✓ Secara efiling CKM sahaja
- ✓ Sistem Taksir Sendiri

KEMASKINI PADA 19/04/2024

RUJUKAN CKM DI PORTAL HASIL



PROGRAM MEMFAIL CKM

NOTA PANDUAN CKM

BORANG NYATA CKM (BNCKM)

NOTA PENERANGAN BNCKM

KEMASKINI PADA 19/04/2024

PENGIRAAN CKM

KEMASKINI PADA 19/04/2024

Komponen dalam pengiraan CKM

1. Penentuan tarikh pelupusan (Sek. 65F (1) ACP 1967)

Tarikh pelupusan aset modal ditentukan seperti berikut:

Jika pelupusan berdasarkan perjanjian bertulis

- pada tarikh perjanjian; atau
- pada tarikh syarat dipenuhi jika perjanjian bertulis adalah kontrak bersyarat*;

ATAU

Jika tiada perjanjian bertulis, pada tarikh penyelesaian pelupusan iaitu:

- tarikh aset dipindah milik oleh pelupus; atau
- tarikh di mana kesemua amaun atau nilai balasan untuk pindah milik itu telah diterima oleh pelupus.

yang mana lebih awal.

* kontrak bersyarat yang memerlukan kelulusan daripada Kerajaan atau Kerajaan Negeri, tarikh pelupusan adalah tarikh kelulusan Kerajaan atau Kerajaan Negeri

Komponen dalam pengiraan CKM

2 . Penentuan tahun taksiran.

- ✓ Tahun di mana pelupusan berlaku.
- ✓ Berdasarkan tempoh asas/perakaunan PC

3 . Penentuan tarikh pemerolehan.

- ✓ Sama seperti penentuan tarikh pelupusan.
- ✓ Penentuan tarikh pemerolehan bagi saham 15C, sama ada subsek. 15C(3)(a)/(b) terpakai.
- ✓ Penentuan kelayakan pemilihan kadar cukai.

Dokumen pelupusan dan pemerolehan

Perjanjian jual beli bertulis / Borang 32A Akta Syarikat 1965 / Borang 24 - *Return Of Allotment Of Shares* / borang suratcara pindahmilik di bawah seksyen 105 Akta Syarikat 2016 atau lain-lain dokumen berkenaan pindah milik aset modal)

KEMASKINI PADA 19/04/2024

Komponen dalam pengiraan CKM

4 . Penentuan harga pelupusan

Nilai balasan pelupusan

Tolak

- Perbelanjaan meninggikan nilai atau memelihara nilai aset yang dilupuskan [subperenggan 65E(2)(a)(i)].
- Perbelanjaan memastikan, memelihara atau mempertahankan hak milik atau hak atas aset [subperenggan 65E(2)(a)(ii)].
- Kos sampingan pelupusan [subperenggan 65E(2)(a)(iii)].

Nilai balasan = nilai pasaran; jika pelupusan tertakluk kepada nilai pasaran di bawah subseksyen 65E(8), 65E(14) dan 65F(6). Rujuk Nota Penerangan BNCKM item B2.

GP CKM – NTA boleh diterima sebagai salah satu kaedah MV.

KEMASKINI PADA 19/04/2024

Komponen dalam pengiraan CKM

5.1 Penentuan harga pemerolehan [STT & Saham 15C jika tarikh pemerolehan ditentukan di bawah subsek. 15C(3)(b)]

Nilai balasan pemerolehan

Tambah

+ Kos sampingan pelupusan [subperenggan 65E(13)]

Tolak

- Pampasan yang diterima kerana apa-apa kerosakan atau kemusnahan kepada aset atau apa-apa susut nilai aset [subperenggan 65E(2)(b)(i)].
- Amaun diterima di bawah polisi insurans kerana kerosakan, kemusnahan atau kehilangan atau susutnilai aset [subperenggan 65E(2)(b)(ii)].
- Amaun deposit terlucut hak diterima bagi tujuan pindah milik aset [subperenggan 65E(2)(b)(iii)].

KEMASKINI PADA 19/04/2024

Komponen dalam pengiraan CKM

5.2 Penentuan harga pemerolehan saham 15C jika tarikh pemerolehan ditentukan di bawah subsek. 15C(3)(a) harga pemerolehan ditentukan di bawah subsekyen 15C(4)(a)

Menggunakan formua berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

Iaitu:

A ialah bilangan syer yang disifatkan sebagai aset yang boleh dikenakan cukai;

B ialah jumlah bilangan syer terbitan dalam syarikat yang relevan pada tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai; dan

C ialah nilai tertentu bagi harta tanah atau syer kedua-duanya yang dipunyai oleh syarikat yang relevan pada tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai.

Bagi penentuan harga pemerolehan saham di bawah subsek. 15C (4)(a), kos sampingan dan penerimaan adalah tidak berkaitan.

Komponen dalam pengiraan CKM

6. Pengiraan pendapatan larasan / Kerugian larasan

Jumlah pendapatan / keuntungan (Harga Pelupusan – Harga pemerolehan)	XXXX
Tolak: Kerugian larasan boleh diserap (jika ada)	XX
Pendapatan Larasan	**XX**

- Kerugian larasan berlaku apabila harga pemerolehan lebih besar dari pada harga pelupusan.
- Kerugian larasan yang tidak boleh diserap dalam pelupusan semasa boleh di bawa hadapan dan kerugian tersebut tidak lagi boleh dituntut selepas 10 tahun dari akhir tahun taksiran pelupusan berlaku.

Contoh 1: Pengiraan CKM

JOC SB telah melupuskan 10, 000 unit saham yang dimiliki dalam SOD SB kpd SPPS SB dengan harga RM 100 000 melalui satu perjanjian bertarikh 1 Apr 2024. Saham tersebut telah diperolehi pada 1 Okt 2010 dengan harga RM 1 seunit dan kos penyeteman adalah RM 1000. JOC SB menutup akaun perniagaannya 31 Dis setiap tahun. Semasa pelupusan JOC SB telah membayar peguam RM 5000 bagi tujuan perjanjian jual beli saham berkenaan.

Pelupus JOC SB
Tarikh lupus : 1/4/2024
Tarikh peroleh : 1/10/2010
Cukai dikenakan 100, 000 x 2%
= RM 2000.00

Balasan pelupusan	:	100,000
- Bayaran peguam	:	5,000
Harga pelupusan		95,000

Balasan pemerolehan	:	10,000
+ Penyeteman	:	1,000
Harga pemerolehan		11,000
Pendapatan larasan		84,000

Cukai dikenakan 84,000 x 10% = RM8,400.00

Contoh 2: Pengiraan CKM

Tambahan isu kepada di contoh 1, pada 15 Mac 2024 JOC SB telah melupuskan 1000 unit saham dalam AAA SB kepada eMax SB yang mengakibatkan kerugian larasan RM 85 000. Saham tersebut telah diperolehi pada 1 Feb 2024.

Pelupus JOC SB
Tarikh lupus : 1/4/2024
Tarikh peroleh : 1/10/2010
Cukai dikenakan 100, 000 x 2%
= RM 2000.00

Balasan pelupusan	:	100,000	
- Bayaran peguam	:	5,000	
Harga pelupusan		95,000	
Balasan pemerolehan	:	10,000	
+ Penyeteman	:	1,000	
Harga pemerolehan		11,000	
Pendapatan			84,000
Kerugian boleh diserap			84,000
Pendapatan Larasan			-

Cukai dikenakan 0 x 10% = RM 0.00

Rugi boleh dibawa hadapan RM1000, jika tiada pelupusan selepas itu akan luput pada 1/1/2035

Jika terdapat situasi pelupusan yang melibatkan kerugian dalam tempoh hampir dengan pelupusan yang lain, PC dikehendaki melaporkan pelupusan yang melibatkan kerugian terlebih dahulu bagi tujuan pelarasan kerugian.

KEMASKINI PADA 19/04/2024

Pengiraan CKM Saham 15C, tarikh pemerolehan subsek. 15C(3)(a) dan harga pemerolehan di bawah 15C(4)(a)

Azma SB telah memperolehi 1000 unit saham (RM 1 seunit) dalam Maksimoto Pte Ltd (syarikat terkawal diperbadankan di Jepun) pada 1 Jun 2020. RM 500 dibayar kepada peguam bagi urusan pemerolehan saham. Maksimoto tidak mempunyai apa - apa aset tetap. Jumlah saham yang diterbitkan adalah 20, 000 unit. Pada 1 Feb 2024, Maksimoto Pte Ltd telah membeli sebuah gudang di Klang dengan harga RM 5 juta dengan pembelian tersebut nilai tertentu telah melebihi 75% daripada aset ketara. pada 30 Jun 2024 Azma SB menjual semua sahamnya kepada ZMZ SB dengan harga RM500,000 . Bayaran peguam untuk perjanjian pelupusan RM 15000. Akaun perniagaan Azma SB berakhir 31 Dis.

Pelupus Azma SB
Tarikh lupus : 30/6/2024
Tarikh peroleh asal : 1/6/2020
Tarikh peroleh disifatkan: 1/2/2024

Balasan pelupusan	:	500,000
- Bayaran peguam	:	15,000
Harga pelupusan		485,000

Pengiraan harga pemerolehan

$$\frac{1000}{20000} \times 5{,}000\,000$$

= RM 250,000

Harga pemerolehan	:	250,000
Pendapatan Larasan		235,000

Cukai dikenakan 235,000 x 10% = RM23,500.00

Belanja pemerolehan RM 500 tidak dibenarkan kerana pengiraan harga perolehan di bawah Subsek. 15C(4)(a)

KEMASKINI PADA 19/04/2024

PENGECUALIAN CKM

Pengecualian daripada pendapatan larasan CKM adalah:

Kod	Jenis Pelupusan Saham Tidak Tersenarai Yang Dikecualikan Cukai	Rujukan	Tempoh Pemakaian
701	Tawaran awam awal di Bursa Malaysia yang diluluskan (Approved Initial Public Offering)	-	-
702	Penstrukturan dalaman di dalam kumpulan syarikat yang sama (*Internal restructuring within the same group*).	-	-
703	Syarikat modal teroka	-	-

Akan dikemaskini dari semasa ke semasa tertakluk kepada warta yang akan dikeluarkan

KEMASKINI PADA 19/04/2024

BORANG CKM

KEMASKINI PADA 19/04/2024

BORANG CKM

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BORANG NYATA CUKAI KEUNTUNGAN MODAL
DI BAWAH SEKSYEN 77A(1B) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
Borang ini ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967

Borang **CKM**
CKM - 1/2024

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PELUPUS (Baca nota penerangan sebelum mengisi bahagian ini)

A1	Nama pelupus				
A2	No. Pengenalan Cukai (TIN)		A3	Negara diperbadankan	(Guna kod negara)
A4	No. pendaftaran		A5	Negara mastautin	(Guna kod negara)
A6	E-mel		A7	No. telefon	
A8	Alamat surat-menyurat				
	Poskod		Bandar		
	Negeri		Negara		

(Sekiranya pelupusan aset modal yang dimiliki atas nama wakil, sila isikan maklumat wakil)

Maklumat Wakil

A9	Nama wakil			
A10	No. Pengenalan Cukai (TIN)		A11	No. pengenalan / pasport / pendaftaran
A12	No. telefon		A13	E-mel

(Sekiranya lebih daripada satu pelupus dalam satu dokumen pelupusan, sila isikan maklumat pelupus lain)

A14	Nama pelupus	
A15	No. pengenalan / pasport / pendaftaran	

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PELUPUSAN (Baca nota penerangan sebelum mengisi bahagian ini)

B1	Jenis pelupusan aset modal		*1 = Pelupusan saham tidak tersenarai syarikat diperbadankan di Malaysia* *2 = Pelupusan saham syarikat terkawal di luar Malaysia di bawah seksyen 16C*
B2	Pelupusan tertakluk kepada nilai pasaran di bawah subseksyen 65E(8), 65E(14) dan 65F(6)		*1 = Ya* *2 = Tidak*
B3	Mempunyai perjanjian pelupusan aset modal		*1 = Ya* *2 = Tidak*
B4a	Aset modal diperolehi sebelum 01/01/2024		*1 = Ya* (Jika Ya, isi ruang B4b) *2 = Tidak*
B4b	Memilih dicukai pada kadar 2% atas harga pelupusan kasar		*1 = Ya* *2 = Tidak*
B5	Pelupusan aset modal dikecualikan cukai di bawah seksyen 127		*1 = Ya* *2 = Tidak*
B6	**Maklumat saham yang dilupuskan**		
B6a	Nama syarikat yang menerbitkan saham		
B6b	No. pendaftaran syarikat		
B6c	Negara diperbadankan		(Guna kod negara)

BAHAGIAN C: MAKLUMAT TARIKH PELUPUSAN DAN TAHUN TAKSIRAN (Baca nota penerangan sebelum mengisi bahagian ini)

C1	Tarikh pelupusan		(hh/bb/tttt)			
C2	Tahun taksiran					
C3	Tempoh perakaunan	dari		(hh/bb/tttt)	hingga	(hh/bb/tttt)
C4	Tempoh asas	dari		(hh/bb/tttt)	hingga	(hh/bb/tttt)

BAHAGIAN D: MAKLUMAT PEMEROLEH (Baca nota penerangan sebelum mengisi bahagian ini)

D1	Nama pemeroleh	
D2	No. Pengenalan Cukai (TIN)	
D3	No. pengenalan / pasport / pendaftaran	
D4	Bilangan saham diperolehi	

(Sekiranya lebih daripada satu pemeroleh dalam satu dokumen pelupusan, sila isikan maklumat pemeroleh lain)

UNTUK RUJUKAN SAHAJA

KEMASKINI PADA 19/04/2024

BORANG CKM

BAHAGIAN E: PENGIRAAN CUKAI KEUNTUNGAN MODAL (Baca nota penerangan sebelum mengisi bahagian ini)

	HARGA PELUPUSAN SAHAM		RM	SEN
E1	Nilai balasan pelupusan - Saham tidak tersenarai syarikat diperbadankan di Malaysia; atau - Saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia di bawah seksyen 15C			
E1a	Nilai balasan pelupusan saham yang diperoleh sebelum 01/01/2024 dan memilih dicukai pada kadar 2% atas harga pelupusan kasar. (Bagi pelupusan di bawah E1a, ruang E2 hingga E8 TIDAK terpakai, pindah amaun E1a ke E17)	E1a		.00
E1b	Nilai balasan pelupusan: - Saham yang diperoleh sebelum 01/01/2024 dan memilih dicukai pada kadar 10%; atau - Saham yang diperoleh mulai 01/01/2024	E1b		.00
E2	TOLAK: Perbelanjaan meninggikan nilai atau memelihara nilai aset yang dilupuskan [subperenggan 65E(2)(a)(i)]	E2		.00
E3	Perbelanjaan memastikan, memelihara atau mempertahankan hak milik atau hak atas aset [subperenggan 65E(2)(a)(ii)]	E3		.00
E4	Kos sampingan pelupusan [subperenggan 65E(2)(a)(iii)]	E4		.00
E5	JUMLAH PERBELANJAAN DIBENARKAN DAN KOS SAMPINGAN PELUPUSAN (E2 hingga E4)	E5		.00
E6	HARGA PELUPUSAN (E1b – E5)	E6		.00
	HARGA PEMEROLEHAN SAHAM (Lengkapkan jika E1b terpakai)			
E7	Nilai balasan pemerolehan			
E7a	Nilai balasan pemerolehan: - Saham tidak tersenarai syarikat diperbadankan di Malaysia; atau - Saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia di bawah perenggan 15C(4)(b)	E7a		.00
E7b	Nilai balasan pemerolehan saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia di bawah perenggan 15C(4)(a) (Jika E7b, nilai balasan pemerolehan disanggap harga pemerolehan, ruang E8 hingga E12 TIDAK terpakai)	E7b		.00
E8	TAMBAH: Kos sampingan pemerolehan [subseksyen 65E(13)]	E8		.00
E9	TOLAK: Pampasan yang diterima kerana apa-apa kerosakan atau kemusnahan kepada aset atau apa-apa susutnilai aset [subperenggan 65E(2)(b)(i)]	E9		.00
E10	Amaun diterima di bawah polisi insurans kerana kerosakan, kemusnahan atau kehilangan atau susutnilai aset [subperenggan 65E(2)(b)(ii)]	E10		.00
E11	Amaun deposit terlucut hak diterima bagi tujuan pindah milik aset [subperenggan 65E(2)(b)(iii)]	E11		.00
E12	JUMLAH PENERIMAAN (E9 hingga E11)	E12		.00
E13	HARGA PEMEROLEHAN (E7a + E8 – E12) atau (E7b)	E13		.00
	PENDAPATAN BERCUKAI			
E14	PENDAPATAN LARASAN / KERUGIAN LARASAN			
E14a	PENDAPATAN LARASAN SEBELUM KERUGIAN (E8 – E13)	E14a		.00
E14b	KERUGIAN LARASAN (E13 – E8)	E14b		.00
				(Tanda 'X' jika kerugian larasan)
E15	TOLAK: KERUGIAN LARASAN DISERAP (Jika mempunyai pendapatan larasan, terhad kepada E14a)	E15		.00
E16	PENDAPATAN LARASAN (E14a - E15)	E16		.00
E17	NILAI BALASAN PELUPUSAN SAHAM YANG DIPEROLEH SEBELUM 01/01/2024 DAN MEMILIH DICUKAI PADA KADAR 2% ATAS HARGA PELUPUSAN KASAR (Dari E1a)	E17		.00
E18	PENDAPATAN BERCUKAI SEBELUM PENGECUALIAN (E16 + E17)	E18		.00
E19	TOLAK: PELUPUSAN ASET MODAL DIKECUALIKAN DI BAWAH SEKSYEN 127 (Jika B5=1, terhad kepada E18) Pengecualian Cukai (Isi kod pengecualian)	E19		.00
E20	PENDAPATAN BERCUKAI (E18 – E19)	E20		.00

	CUKAI KENA DIBAYAR DAN KEDUDUKAN CUKAI				RM	SEN
E21	CUKAI DIKENAKAN					
	Pecahan Pendapatan Bercukai (E20)		Kadar		Cukai Keuntungan Modal	
E21a	.00		10%			
E21b	.00		2%			
E22	JUMLAH CUKAI DIKENAKAN (E21a + E21b)	E22				
E23	TOLAK: Pelepasan cukai seksyen 132 / seksyen 133 (terhad kepada E22)	E23				
E24	CUKAI DIKENA DIBAYAR (E22 – E23)	E24				

IKPUJUKAN SAHAJA

KEMASKINI PADA 19/04/2024

BAHAGIAN F: TUNTUTAN KERUGIAN (Baca nota penerangan sebelum mengisi bahagian ini)

KERUGIAN LARASAN TAHUN TAKSIRAN SEMASA

Bil	Tarikh Pelupusan	Tahun Taksiran	Kerugian Larasan Pelupusan Semasa	Kerugian Larasan Tahun Taksiran Ke Belakang Diserap Dalam Pelupusan Semasa	Kerugian Larasan Tahun Taksiran Semasa Diserap Dalam Pelupusan Semasa	Jumlah Kerugian Larasan Diserap Dalam Pelupusan Semasa	Kerugian Larasan Tahun Taksiran Semasa Bawa Hadapan
			(a)	(b)	(c)	(d = b + c)	(e = a - c)
1							
2							
...							
		JUMLAH					

BAHAGIAN G: MAKLUMAT EJEN CUKAI DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG INI

G1	Nama ejen cukai		
G2	No. kelulusan ejen cukai	/ /	
G3	Nama firma		
G4	Alamat		
	Poskod	Bandar	
	Negeri	Negara	
G5	No. Pengenalan Cukai (TIN)		
G6	No. telefon		
G7	E-mel		

AKUAN

Saya _____ No.pengenalan / pasport* (*Potong yang tidak berkenaan) _____

dengan ini mengakui bahawa borang nyata ini,

mengandungi maklumat yang benar, betul dan lengkap mengenai pelupusan asel modal seperti yang dikehendaki di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Jawatan _____ Tandatangan _____

Tarikh _____ (hh/bb/tttt)

UNTUK KEGUNAAN SAHAJA

KEMASKINI PADA 19/04/2024

PENGAUDITAN DAN RAYUAN CKM

Proses pengauditan CKM

- ✓ Proses pemilihan kes dan prosedur akan dikeluarkan oleh pihak JPC
- ✓ Kes gagal patuh (taksiran anggaran dan pendakwaan) - maklumat dari Stamp

Rayuan taksiran CKM

- ✓ Seperti prosedur rayuan cukai pendapatan

BAYARAN CKM

- ✓ 60 hari dari tarikh pelupusan (perenggan 103 (12)(b)(aa) ACP 1967.
- ✓ 30 dari notis taksiran tambahan atau taksiran anggaran.
- ✓ No. bil akan diberikan bagi tujuan bayaran.

LHDN MALAYSIA

ESCALATE THE PASSION

INGIN KELUAR NEGARA??

PASTIKAN ANDA MEMBUAT SEMAKAN

http://sspi.imi.gov.my

KEMASKINI PADA 19/04/2024

HUBUNGI TALIAN UTAMA

03- 8911 1000 (HASiL CONTACT CENTRE)

HADIR KE PEJABAT LHDNM BERHAMPIRAN

KEMASKINI PADA 19/04/2024

JANGAN JADI MANGSA SINDIKET PENIPUAN

JANGAN DEDAHKAN MAKLUMAT PERCUKAIAN ANDA

KEMASKINI PADA 19/04/2024

TERIMA KASIH

03-8911 1000
Hasil Contact Centre

KEMASKINI PADA 19/04/2024